



NEWSLETTER

Disediakan oleh:


KHAIRUL AIDAH SAMAH

Ketua Penolong Pengarah, BPAN

PEMBENTUKAN MODAL TETAP KASAR (PMTK)


PMTK adalah nilai perolehan aset tetap, ditolak pelupusan aset tetap oleh residen dalam tempoh perakaunan yang digunakan secara berulang kali dan berterusan dalam proses pengeluaran barangan atau perkhidmatan. Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) atau dipanggil pelaburan Malaysia merupakan komponen perbelanjaan kedua terbesar dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Diagram 1: Purata peratus pertumbuhan tahunan PMTK Malaysia (%)



Pada era 1960-an, purata kadar pertumbuhan tahunan KDNK dan pelaburan Malaysia masing-masing mencatatkan 7.3% dan 12.3%. Hasil pertumbuhan ekonomi yang baik pada ketika itu, peratus sumbangan pelaburan kepada KDNK telah merekodkan 17.5% pada penghujung tahun 1970 (**carta 1**). Malaysia terus kekal mencatatkan kadar purata pertumbuhan yang rancak pada 12.3% setahun dalam tempoh 1970 hingga 1979 yang membolehkan pelaburan Malaysia mencapai 31.3% kepada KDNK pada tahun 1980 dengan purata peratus pertumbuhan pelaburan 13.2% setahun (1970-1979) seperti di **diagram 1**. Pelaburan Malaysia terus memacu ekonomi Malaysia dengan menyumbang 32.6% kepada KDNK pada tahun 1990 pada peratus purata pertumbuhan pelaburan, 6.4% setahun bagi tempoh 1980-1989, disebalik kemerosotan ekonomi yang berlaku pada tahun 1985 dan 1986.

Carta 1: Peratus sumbangan PMTK kepada KDNK, 1970-2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Nota: PMTK tahunan adalah pada harga malar




Pada pertengahan tahun 1990an, pelaburan Malaysia kepada KDNK melebihi 40% dan antara yang tertinggi didunia ketika itu bersama negara Thailand (1995: 42.9% kepada KDNK) dan Bhutan (1995: 51.3% kepada KDNK). Namun, kejutan krisis kewangan asia yang berlaku pada tahun 1997, ekonomi Malaysia telah meninggalkan kesan yang mendalam dan berterusan khususnya pelaburan Malaysia yang merekodkan purata peratus pertumbuhan 6.1% setahun. Oleh itu, pada penghujung tahun 2000, peratus sumbangan pelaburan Malaysia adalah 25.3% kepada KDNK. Ini megakibatkan dalam tempoh 2000 hingga 2009, pelaburan Malaysia mencatatkan kadar purata pertumbuhan tahunan 3.1%. Walau bagaimanapun pelaburan Malaysia mengembalikan pertumbuhan lebih baik, 5.6% bagi tempoh 2010-2009.

Sejak 1970, sektor Swasta kekal sebagai peneraju utama dalam pelaburan Malaysia yang menyumbang 67.9% pada tahun 1970 dan meningkat kepada 72.8% kepada KDNK pada tahun 2019 (**carta 2**). Komposisi pelaburan mengikut sektor menunjukkan kedua-dua sektor mencapai pertumbuhan yang rancak dalam tempoh 1976-1980 dan 1991-1995 (**carta 3**).

Carta 2: Peratus sumbangan sektor swasta dan awam kepada PMTK, 1970-2019



Carta 3: Peratus purata pertumbuhan tahunan mengikut sektor, 1970-2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Dokumen Rancangan Malaysia (RMK)

Nota: PMTK tahunan pada harga malar

Perkhidmatan dan Pembuatan terus menjadi peneraju utama PMTK Malaysia bagi sektor Swasta seperti paparan **diagram 2**. Kombinasi kedua-dua sektor perkhidmatan dan pembuatan menyumbang 57.3% kepada sektor Swasta. Manakala, penyumbang utama dalam sektor Awam adalah Perkhidmatan (22.5%) dan Perlombongan & pengkuarian (4.6%) pada tahun 2018.

Diagram 2: PMTK (pada harga malar) mengikut sektor dan jenis aktiviti ekonomi, 2018



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Diperingkat global, sumbangan pelaburan kepada KDNK adalah 24.4% pada tahun 2018 iaitu hampir menyamai Malaysia (23.6%) seperti paparan **carta 4**. Dengan ini, Malaysia bersama-sama negara dalam kumpulan T2 seperti negara, Singapura (26.6%), Thailand (25.0%) dan Vietnam (26.5%). Manakala negara-negara maju seperti Jepun (24.4%) dan Australia (24.5%) juga berada didalam kumpulan T2.

Secara purata, peratus sumbangan pelaburan kepada KDNK bagi negara yang berada dalam kumpulan T2 adalah 25.1% pada tahun 2017 dan menunjukkan sedikit perlahan, 24.7% pada tahun 2018, begitu juga bagi kumpulan T4 seperti yang ditunjukkan dalam **jadual 1**. Manakala bagi negara yang berada dalam kumpulan T1 dan T3, purata peratus sumbangan PMTK kepada KDNK lebih baik dari tahun 2017 ke 2018.

Jadual 1: Purata peratus sumbangan pelaburan kepada KDNK mengikut kumpulan*


Kumpulan	Purata peratus sumbangan pelaburan kepada KDNK (%)	
	2017	2018
T1-25%	33.5	35.4
T2-25%	25.1	24.7
T3-25%	21.3	21.5
T4-25%	16.3	15.9

Sumber: World Bank Database

Nota: * T1, T2, T3 dan T4 adalah negara yang disusun mengikut sumbangan PMTK kepada KDNK yang mempunyai 25% tertinggi (T1), 25% ke-2 tertinggi (T2) dan seterusnya pada tahun 2018 berdasarkan sampel 156 buah negara.

Perbandingan negara mengikut kumpulan T1, T2, T3 dan T4 diplotkan ke dalam **carta 4**. Carta 4 menunjukkan 50% negara (T2 dan T3) yang berada didalam sampel (156 buah negara) mempunyai sumbangan pelaburan terhadap KDNK yang tidak jauh bezanya diantara sebuah negara ke negara lain.

Carta 4: Perbandingan peratus sumbangan pelaburan kepada KDNK mengikut kumpulan, 2017 & 2018



Sumber: World Bank Database

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.